

Biografi Mejar Jeneral Dato' Haji Muhammad Mudzamir Ong Bin Abdullah

Nik Afikah Mohamad Mran
Nur Azlin Khairi
Ahmad Zam Hariro
Azman Mat Isa
Amzari Abu Bakar

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstract

This article based on the life history of an air force officer named Major General Dato' Haji Muhammad Mudzamir Ong Bin Abdullah, the first navigator to serve as a Major General in the Royal Malaysian Air Force (RMAF). His experience and challenges in the military can be able to inspire the community especially among youth who wants to challenge themselves in pursuit of life to serve their country. This article is based on an oral source of an interview and literatures. His story begins with his background, a young man living in the village, his military life, experience as a pioneer, international involvement and contribution to organization as well as the awards received.

Keywords: Muhammad Mudzamir Ong Bin Abdullah, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), navigator, navigator school, Royal Military College (RMC).

Abstrak

Artikel ini mengisahkan tentang sejarah hidup seorang tentera udara yang bernama Mejar Jeneral Dato' Haji Muhammad Mudzamir Ong Bin Abdullah, Jurumalim pertama menjawat jawatan sebagai Mejar Jeneral di dalam organisasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pengalaman dan cabaran yang ditempuhi beliau dalam bidang ketenteraan dapat memberi inspirasi kepada masyarakat terutamanya kepada golongan

muda yang ingin mencabar diri mereka untuk menyelusuri pahit getir kehidupan sebagai seorang pejuang negara. Artikel ini berasaskan sumber lisan yang telah dijalankan bersama Mejah Jeneral Muhammad Mudzamir Ong dan juga hasil pembacaan penulis. Penceritaan beliau bermula dengan latar belakang beliau, seorang anak muda yang mengharungi susah payah kehidupan di kampung, penglibatan beliau dalam bidang ketenteran, pengalaman semasa berkhidmat sebagai Jurumalim, penglibatan beliau di peringkat antarabangsa dan juga sumbangan dan anugerah yang diterima.

Kata Kunci: Muhammad Mudzamir Ong Bin Abdullah, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jurumalim, sekolah Jurumalim, Maktab Tentera Diraja.

Latar Belakang

Muhammad Mudzamir Ong Bin Abdullah merupakan anak jati Jelai, Batu Kurau, Perak. Beliau dilahirkan pada tanggal 13 Jun 1960 dan merupakan anak ke tiga daripada empat orang adik-beradik. Beliau datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan sering menjadikan kesusahan hidupnya sebagai satu motivasi kepada diri, untuk terus berjaya dan dapat membantu keluarga beliau suatu hari nanti. Beliau dibesarkan dalam suasana masyarakat majmuk. Ini membolehkan beliau bertutur dalam beberapa bahasa seperti Bahasa Cina, Tamil dan Melayu. Oleh yang demikian, beliau tiada masalah untuk bergaul dan berkomunikasi dengan kaum lain. Prinsip hidup yang sentiasa menjadi pegangan beliau adalah sentiasa memperbaiki kehidupan beliau untuk tidak kembali seperti masa silam dan pada masa yang sama membantu mereka yang memerlukan. Bapa Muhammad Mudzamir Ong, Ong Chui tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya menyara keluarga dengan pelbagai kerja-kerja kampung seperti menanam padi, sayur dan sebagainya. Bapa beliau meninggal dunia ketika beliau berumur 11 tahun. Ibu beliau, Ong Swei Chu bekerja sebagai tukang kebun di sekolah di mana beliau menuntut ilmu. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1989 bersama Datin Hjh Siti Norlela Binti Alwi. Pada masa kini, isteri beliau berkhidmat di dalam Badan Kebajikan Tentera. Takdir telah menemukan mereka di pusat rekreasi tentera udara. Sehingga kini, mereka telah dikurniakan dua orang cahaya mata. Anak sulung lelaki beliau berumur 28 tahun dan telah menjadi seorang wartawan di *The Malaysian Reserve*. Manakala anak bongsu

perempuan beliau berumur 24 tahun dan sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang kaunseling.

Pendidikan

Pendidikan awal Muhammad Mudzamir Ong bermula di Sekolah Rendah Cina Phooi Wah di Jelai, Batu Kurau, Perak. Pada waktu itu, dua kelas berlainan darjah disatukan dalam bilik yang sama kerana bilangan murid yang sedikit. Dalam bidang sukan, beliau aktif dalam permainan bola keranjang dan ping pong. Seterusnya beliau menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Dato' Kamaruddin Batu Kurau, Perak. Semasa di sekolah menengah beliau memegang jawatan sebagai Pengawas dan aktif dalam pasukan Pengakap. Pengalaman manis beliau semasa di alam persekolahan ialah apabila tibanya waktu perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas. Ketika perayaan tersebut beliau bersama-sama rakan-rakan sekolah yang berbilang kaum menaiki basikal dan menziarahi rumah rakan-rakan yang menyambut perayaan tersebut. Setelah itu, beliau mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Maktab Tentera Diraja di Sungai Besi, Kuala Lumpur. Muhammad Mudzamir Ong bertekad menuntut ilmu di kem tentera ini kerana elaun yang diterima sedikit sebanyak dapat membantu keluarganya di kampung. Bermula pada saat itu, beliau mengorak langkah untuk menjadi Pegawai Tentera yang seterusnya menjadi karier utama beliau pada tahun 1979.

Penglibatan Awal Dalam Bidang Ketenteraan

Muhammad Mudzamir Ong memulakan langkah beliau dalam bidang ketenteraan dengan jawatan Pegawai Kadet pada tahun 1979 sebagai persediaan menjadi bakal Pegawai Tentera Udara dan juga Pegawai Tentera Darat. Menurut Muhammad Mudzamir Ong (2019), latihan yang dijalankan pada masa itu lebih kepada latihan sebagai tentera darat seperti ilmu medan perang, ilmu ketika di dalam hutan dan lain-lain. Selepas itu, beliau bertekad memilih tentera udara sebagai pilihan selepas mengikuti ceramah kerjaya yang disampaikan oleh pegawai tentera darat, laut dan juga udara. Cabaran pertama beliau apabila ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera Udara adalah latihan untuk menjadi

tentera udara itu sendiri. Beliau pada mulanya berminat dalam cawang iaitu bidang juruterbang helikopter dan menjalankan latihan di sekolah latihan helikopter bertempat di Kluang. Antara cabaran yang perlu ditempuh ialah apabila beliau dilatih dengan tegas ketika berhadapan dengan musuh, latihan untuk menembak musuh dari helikopter dan sebagainya. Namun begitu, nasib tidak menyebelahi beliau, dimana beliau gagal untuk menjadi juruterbang. Beliau mencuba nasib dengan memohon cawang lain hinggalah tawaran untuk menjadi Jurumalim diterima. Pada tahun 2017, Majlis Pengisytiharaan Dan Penyematan Lencana Sayap Penerbangan Cawang Jurumalim telah disematkan kepada beliau dan rakan sejawat yang lain (Portal Rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia, 2017). Mejai Jeneral Beliau (2019) menyatakan, skop kerja Jurumalim adalah amat penting dalam mengemudi kapal terbang supaya sentiasa dalam trek dan tidak tersasar dari destinasi yang dituju. Ini kerana pada zaman beliau Jurumalim perlu mengambil informasi koordinat melalui alam sekitar seperti bintang-bintang, berbeza dengan zaman kini dimana Jurumalim mendapat informasi koordinat melalui satelit.

Permulaan berkhidmat sebagai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Pada tahun 1980, selepas ditauliahkan sebagai Leutenant Muda, Muhammad Mudzamir Ong telah mengikuti kursus juruterbang selama lebih kurang setahun. Namun begitu, beliau telah gagal dalam kursus untuk menjadi juruterbang. Setelah tamat kursus juruterbang, beliau memohon untuk berkhidmat di Cawang Tadbir dimana beliau perlu mengikuti kursus urusetia selama sembilan bulan untuk pangkat Pegawai Tadbir. Tidak lama kemudian, beliau telah ditukarkan ke Kuantan sebagai Pegawai Tadbir TUDM. Tidak sampai empat tahun menjadi Pegawai Tabdir, beliau memohon untuk bertukar ke Cawang Jurumalim yang memerlukan beliau menghadiri kursus latihan selama lima belas bulan di New Zealand. Setelah tamat kursus tersebut, beliau telah berjaya menjadi Jurumalim. Setelah hampir empat tahun menjadi Jurumalim, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Leutenant dalam Cawang Jurumalim.

Setelah tamat kursus latihan Jurumalim pada tahun 1984, Muhammad Mudzamir Ong telah dipindahkan ke *Flying Squadron* iaitu sebagai Jurumalim pasukan penerbangan bagi pesawat C130. Ketika itu Pangkalan Udara Subang baru sahaja dibuka dan beliau merupakan orang yang terawal berkhidmat sebagai Jurumalim di Pangkalan Udara

Subang. Menurut beliau, tugas Jurumalim ketika itu sangat mencabar kerana jumlah Jurumalim tidak ramai. Setiap penerbangan yang jauh memerlukan dua orang Jurumalim. Namun begitu, pada masa itu, hanya beliau sahaja dalam pesawat C130. Oleh itu, beliau tidak mempunyai masa rehat yang cukup bagi penerbangan jauh seperti ke New Zealand, Australia, Sydney dan lain-lain. Itu merupakan satu cabaran sebagai Jurumalim pada awal perkhidmatan di Pangkalan Udara Subang.

Menubuhkan Sekolah Jurumalim pertama di Malaysia

Setelah empat tahun berkhidmat sebagai Leftenan, Muhammad Mudzamir Ong telah dinaikkan pangkat sebagai Kapten. Beliau kemudiannya telah dihantar untuk menghadiri kursus Jurulatih Jurumalim di Australia dan ditugaskan sebagai Pemeriksa. Selepas empat belas tahun dalam perkhidmatan, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Mejari. Ketika menjadi Mejari, beliau telah diarahkan untuk menubuhkan sebuah sekolah Jurumalim di dalam negara kerana beliau telah berjaya menghabiskan kursus Jurumalim di luar negara iaitu New Zealand dan Australia. Tambahan pula, tentera udara memerlukan lebih ramai tentera dalam Cawang Jurumalim untuk pengawasan *maritime* bagi pesawat baru. Sehubungan itu, sekolah Jurumalim di Subang telah ditubuhkan pada tahun 1996. Selepas tamat sahaja kursus Jurulatih Jurumalim di Australia, beliau telah menjadi ketua pengajar Jurumalim untuk sekolah Jurumalim negara. Selesai sahaja kursus untuk kumpulan pertama sekolah Jurumalim, Muhammad Mudzamir Ong telah dihantar ke Australia untuk kursus pekerja yang dipanggal *Air Command Staff Course* di Australia selama setahun. Selepas pulang dari kursus tersebut, beliau berkhidmat hampir 14 tahun sebagai Mejari. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat ke Leftenan Kolonel.

Misi ke Lubnan

Baru baru ini, pasukan tentera-tentera termasuk tentera udara, tentera darat dan tentera laut telah terlibat dengan misi di Lubnan. Muhammad Mudzamir Ong ketika ini telah dinaikkan pangkat sebagai Mejari Jeneral (Tentera Udara Diraja Malaysia, 2019). Tugas beliau ialah sebagai *Very Important Person (VIP)* yang menghantar delegasi-delegasi pasukan tentera ke misi pengamanan di Lubnan. Misi tersebut melibatkan seramai

200 orang tentera bagi setiap kumpulan dan dijalankan selama setahun. Beliau tidak terlibat secara langsung dalam misi operasi tersebut tetapi beliau perlu memastikan keadaan pasukan-pasukan yang dihantar dalam keadaan baik secara fizikal dan mental. Beliau hanya berada di sana selama seminggu dan kembali bertugas di Pangkalan Tentera Udara Subang. Tujuan misi di Lubnan adalah bagi mengamankan pergolakkan yang berlaku di antara Lubnan, Israel, Palestin dan Syria. Ini kerana terdapat pencerobohan kawasan di mana Israel telah menceroboh kawasan Lubnan dan negara-negara lain. Misi ini adalah di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang turut disertai tentera daripada pelbagai negara seperti Itali, Nepal, Ireland dan Ghana termasuk Malaysia.

Darjat Kebesaran Negeri Pahang

Muhammad Mudzamir Ong telah dianugerahkan darjah Kebesaran Negeri Pahang setelah dinaikkan pangkat sebagai Bridgedier Jeneral pada tahun 2016. Menurut Beliau setiap tentera yang mendapat pangkat Bridgedier Jeneral akan dianugerahkan darjah kebesaran sebagai Dato'. Selain itu, Panglima Tentera Udara akan dianugerahkan darjah kebesaran Tan Sri. Beliau tidak menafikan bahawa perkara itu merupakan polisi dalam tentera.

Pengalaman Manis Dan Pahit Sepanjang Berkhidmat Sebagai TUDM

Antara pengalaman pahit Muhammad Mudzamir Ong adalah ketika gagal dalam kursus juruterbang. Hal ini kerana beliau mempunyai cita-cita untuk menjadi juruterbang. Namun begitu, walaupun gagal sebagai juruterbang, ia tidak sedikit pun mematahkan semangat beliau untuk menjadi tentera. Selain itu, beliau menunggu selama empat belas tahun untuk dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Kolonel selepas pangkat Mejar. Beliau telah menjadi Leftenan Kolonel pada tahun 2008. Pelbagai cabaran sepanjang menjadi Jurumalim dan juga menjadi ketua pengajar sekolah Jurumalim, antaranya ialah memastikan keselamatan semua pelajar dan memastikan perjalanan penerbangan berjalan dengan lancar dilaluan yang betul. Namun begitu, saat yang paling indah dan tidak dapat dilupakan adalah apabila beliau telah lulus latihan untuk menjadi Jurumalim.

Hal ini kerana beliau dapat merasai penerbangan bersama-sama dengan juruterbang dan dapat memakai *suit* seperti juruterbang. Itu adalah merupakan pengalaman pertama yang paling manis yang beliau dapat rasai.

Sepanjang perkhidmatan Muhammad Mudzamir Ong dalam TUDM, banyak pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan. Walaupun beliau memerlukan masa yang lama untuk dinaikkan pangkat, dengan sering kali berulang alik ke luar negara untuk menjalani kursus Jurumalim dan kursus kerjaya, itu merupakan pengalaman yang tidak ternilai bagi beliau kerana disamping berkursus, beliau juga dapat meluangkan masa bersama keluarga di luar negara. Setiap kali ke luar negara, beliau akan turut membawa isteri dan anak-anak untuk merasai suasana di luar negara dan berjalan-jalan di sana. Negara yang pernah beliau berkunjung termasuklah New Zealand, Australia, London dan lain-lain. Masa bersama keluarga adalah pengalaman yang paling manis disamping melaksanakan tugas dan kerjaya beliau sebagai tentera udara. Di samping itu juga, beliau merupakan orang yang pertama yang mendapat pangkat Mejar Jeneral sebelum bersara (Tentera Udara Diraja Malaysia, 2019). Bermula pada 7 Jun 2018, beliau telah dilantik menjadi Komander Pangkalan Udara Subang sehingga sekarang (Tentera Udara Diraja Malaysia, 2018).

Muhammad Mudzamir Ong amat sedih untuk meninggalkan Tentera Udara Diraja Malaysia kerana dari kecil lagi beliau sudah dijaga oleh pihak tentera. Semua ditanggung oleh tentera sejak beliau memasuki Maktab Tentera Diraja (*Royal Military College*) semasa di Tingkatan 4 atau yang dulunya dikenali sebagai Maktab Tentera Persekutuan (*Federation Military College*) (Maktab Tentera Diraja, 2016). Beliau juga merupakan Timbalan Presiden *Old Putera Association* iaitu lepasan penuntut Maktab Tentera Putera (Berita OPA, 2019). Ini adalah kerana beliau merupakan salah seorang bekas putera di *Royal Military College* tersebut. Oleh yang demikian, kehidupan beliau sebagai tentera merupakan perkara yang tidak dapat dilupakan kerana terlalu banyak pengalaman manis dan pahit yang beliau tempuh sehingga berjaya ke peringkat sekarang. Beliau bersara pada tahun 2019 selepas menabur bakti selama 39 tahun dalam TUDM.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, Muhammad Mudzamir Ong merupakan seorang tokoh yang hebat dan amat disegani dalam TUDM kerana jasa dan keperibadian beliau dalam Cawang Jurumalim. Beliau juga terkenal bukan sahaja di dalam malah juga di luar negara. Ini adalah kerana beliau sering mengadakan latihan di luar negara sejak dari awal perkhidmatan beliau sebagai Jurumalim Tentera Udara sehingga kini. Disamping itu, kesungguhan dan semangat beliau dalam menjalankan tugas sebagai tentera perlu dicontohi dan dijadikan inspirasi kepada anak-anak muda masa kini. Ini kerana, walaupun pada mulanya beliau gagal untuk mencapai impian untuk menjadi Juruterbang, namun ia tidak mematahkan semangat beliau untuk terus berkhidmat sebagai Tentera Udara Diraja Malaysia sehingga berjaya pada peringkat yang tertinggi pada hari ini.

Akhir sekali, Muhammad Mudzamir Ong merupakan tokoh pertama yang akan bersara sebagai Mejar Jeneral TUDM dalam cawang Jurumalim pada tahun 2019. Jasa dan pengorbanan tokoh ini perlu dihargai dan dicontohi agar dapat melahirkan ramai lagi anak muda yang berjiwa besar seperti beliau.

Rujukan

- Portal Rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia. (2017). *Majlis pengisytiharan dan penyematan lencana sayap penerbangan cawang Jurumalim, jurusensor senjata dan jurutera penerbangan*. Diambil dari <http://www.airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2681-majlis-pengisytiharan-dan-penyematan-lencana-sayap-penerbangan-cawang-Jurumalim-jurusensor-senjata-dan-jurutera-penerbangan>
- Tentera Udara Diraja Malaysia. (2019). Facebook (242.0.0.43.119) [Mobile application software]. Diambil dari
https://www.facebook.com/PortalTUDM/posts/2392416347512664?__tn__=-R
- Tentera Udara Diraja Malaysia. (2018). Facebook (242.0.0.43.119) [Mobile application software]. Diambil dari <https://ms-my.facebook.com/PortalTUDM/posts/perbarisan-serah-terima-tugas-komander-pangkalan-udara-subang-dan-pegawai-laksan/1756327014454937/>
- Maktab Tentera Diraja. (2016). Facebook (242.0.0.43.119) [Mobile application software]. Diambil dari <https://ms-my.facebook.com/RoyalMilitaryCollege/posts/d41d8cd9/1076813189072711/>
- OPA Organizational Chart 2018-2019. (2019). *Berita OPA*. Diambil dari <http://www.opa.org.my/berita-opa/berita-opa-2019.pdf>
- Muhammad Mudzamir Ong. (18 Oktober, 2019). *Temubual Peribadi*.